

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK UGAK ANAK
KUMBONG
[HULU RAJANG]**

**TARIKH : 21 MAC 2017
(RABU)**

SOALAN :

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :

- a) Adakah pihak kementerian bercadang untuk menaik taraf jalan menuju ke Kampung Lusong Laku dan ke Kampung Long Busang di bawah Projek Jiwa Murni; dan
- b) Apakah status terkini Jalan Belaga - Nanga Merit yang sedang dibina di bawah projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini pihak ATM masih belum lagi menerima sebarang permohonan atau arahan bagi pelaksanaan projek menaik taraf jalan menuju ke Kampung Lusong Laku dan ke Kampung Long Busang. Pihak ATM sedia membantu mengikut kemampuan dan keutamaan kerana ATM juga terlibat secara langsung dengan pelbagai Projek Jiwa Murni yang berkaitan pada masa ini. Walau bagaimanapun, ATM sedia membantu membina projek ini setelah bajet bagi tujuan ini diperolehi.

Bagi pembinaan jalan dari Belaga ke Nanga Merit, projek ini sedang dilaksanakan dan mengikut jadual. Projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada 30 April 2020.